

4,336 graduan sempena Konvokesyen UMS Ke-14

Oleh SITI AISYAH NARUDIN

aisyahub@gmail.com

11/21/10 2012 A3

KOTA KINABALU: Sempena dengan majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Sabah (UMS) Ke-14 tahun ini, seramai 4,336 graduan berjaya menamatkan pengajian masing-masing.

Nabi Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata daripada jumlah itu seramai 49 graduan sarjana muda memperolehi ijazah kelas pertama.

Menurutnya, pencapaian yang cemerlang itu dianggap sebagai petunjuk kepada peningkatan kualiti akademik dan intelektual graduan UMS.

“Petunjuk Prestasi Utama (KPI) UMS dari segi kebolehan pasaran graduan pada tahun 2011 menunjukkan kira-kira 55 peratus graduan memperolehi pekerjaan dalam tempoh enam bulan selepas tamat pengajian,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis konvokesyen itu di Dewan Canselor UMS, di sini kelmarin.

Harun berkata, UMS berjaya memperolehi sebanyak 128 geran penyelidikan pada tahun 2011 dengan jumlah dana sejumlah RM8.6 juta.

Setakat Julai tahun ini, jelasnya, sebanyak 27 geran penyelidikan dengan jumlah dana kumulatif sebanyak RM2.6 juta diterima UMS.

“Pencapaian ini juga membuktikan budaya penyelidikan yang berdaya saing dan berkualiti semakin giat berkembang di universiti ini.

“Dalam bidang penerbitan, bermula tahun 2004 hingga Julai lepas, lebih 70 hasil penyelidikan diterbitkan menerusi pelbagai jurnal berimpak tinggi,” katanya.

Sekiranya momentum

berkenaan dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa, beliau yakin UMS mampu menjadi sebuah universiti penyelidikan yang tersohor menjelang tahun 2015.

Selain itu jelasnya, bagi memastikan UMS diiktiraf di peringkat nasional dan antarabangsa, jalinan kerjasama akademik, penyelidikan dan inovasi giat dilaksanakan.

Tambahnya, sehingga kini, sebanyak 150 perjanjian persefahaman (MoU) berjaya dimeterai UMS dengan institusi pengajian tinggi (IPT) luar negara.

“Bagi tempoh 2011 hingga 2015, terdapat 22 MoU aktif dalam pelbagai disiplin ilmu melibatkan kerjasama dalam akademik, penyelidikan dan hal ehwal pelajar.

“Ia termasuklah IPT daripada United Kingdom, Australia, Palestin, Perancis, Indonesia, Filipina, Jerman, Jepun, Poland, dan Korea,” katanya.

Justeru, beliau menggesa agar para ahli akademik bergerak lebih aktif dan dinamik demi mencapai kecemerlangan UMS pada tahap yang istimewa mutunya di persada antarabangsa.

Pada majlis konvokesyen itu juga, seorang graduan menerima ijazah kehormat, 24 orang memperolehi doktor falsafah manakala seramai 277 adalah penerima sarjana.

Penerima prasiswazah sepenuh masa adalah seramai 3,683 orang dan prasiswazah Pusat Luar UMS (PLUMS) seramai 265 orang.

Selain itu, bagi diploma pascasiswazah seramai empat penerima dan diploma Sekolah Perubatan pula seramai 55 orang.

Graduan program Pensiswazahan Guru Besar seramai 23 orang manakala dua orang lagi penerima bagi program PTPL.



HARUN ketika menyampaikan sijil kepada graduan sempena majlis konvokesyen itu. Gambar oleh ANIQ AZRAEI